

From: MURALI A/L PITER PERMAL (PKA) < >
Sent:
Cc:
Subject: Simulasi Pemulihan Bencana Sistem Online LPK Bil 1/2025

Salam Sejahtera.

Tuan/Puan,

Dengan hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara diatas.

Dimaklumkan bahawa satu aktiviti Simulasi Pemulihan Bencana Sistem Online LPK Bil 1/2025 ke PDSA Putrajaya bagi sistem-sistem utama LPK iaitu Sistem eDCFZ dan Sistem Online LPK seperti Sistem sPASS, Sistem eBunkering dan lain-lain, akan diadakan pada ketetapan berikut:

i. Konfigurasi (pertukaran dari server produksi ke server DR - Failover).

Tarikh : 18/04/2025 (Jumaat)

Masa : 8 malam

Tempat : Jabatan Teknologi Maklumat, LPK.

Jangkaan masa pertukaran (downtime) : 3 jam

ii. Konfigurasi (pertukaran dari server DR ke server produksi – Fallback Recovery).

Tarikh : 19/04/2025 (Sabtu)

Masa : 1 pagi

Tempat : Jabatan Teknologi Maklumat, LPK.

Jangkaan masa pertukaran (downtime) : 2 jam

3. Sehubungan dengan itu, wakil Pembekal yang terlibat (Dagangnet Technology Sdn Bhd, DIC Resources Sdn Bhd , Aero Network & Technologies Sdn. Bhd) hendaklah hadir (bersempua atau jarak jauh) bagi memastikan simulasi ini berjaya dilaksanakan dan sistem-sistem dapat beroperasi dengan baik.

4. Jabatan juga memohon penyertaan secara jarak jauh dari pengguna sistem dari Jabatan Zon Bebas & Jabatan Dagangan Bahaya untuk pengesahan sistem semasa aktiviti simulasi ini dibuat. Jabatan memohon Ketua Jabatan untuk mencalonkan seorang wakil dari Jabatan masing-masing.

5. Perhatian, kerjasama dan tindakan oleh Tuan/Puan dalam menjayakan aktiviti simulasi ini amat dihargai.

Sekian terima kasih.

***Murali Piter Permal
b/p Pengurus Teknologi Maklumat
Lembaga Pelabuhan Kelang***

Peringatan

Pengguna Perkhidmatan MyGovUC adalah bertanggungjawab melindungi kerahsiaan data/maklumat Rahsia Rasmi Kerajaan. Adalah diingatkan agar pengguna sentiasa peka dengan SEMUA peraturan, arahan keselamatan dan pekeliling semasa yang berkuatkuasa bagi semua pengendalian data/maklumat Rahsia Rasmi Kerajaan yang berkaitan.